


ICT kita diiktiraf

Kota Ilmu Madinah jalin kerjasama universiti

BH-7/5/2007



KEPAKARAN Malaysia dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kini diiktiraf pelbagai pihak pada peringkat antarabangsa apabila pensyarah universiti awam ditawarkan berkhidmat di institusi pengajian tinggi ternama di luar negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata terbaru, Dekan Fakulti ICT Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Mohd Adam Suhaimi, diterima sebagai pensyarah pelawat di Universiti Taibah, universiti terkenal di sini.

Katanya, Dr Mohd Adam yang akan berkhidmat di Fakulti ICT Universiti Taibah selama setahun akan bertolak ke sini, dalam masa terdekat.

"Ia membuktikan kepercayaan dan pengiktirafan mereka terhadap kepakaran Malaysia dalam bidang ICT serta hubungan baik antara institusi pengajian tinggi Arab Saudi dengan Malaysia," katanya kepada pemberita Malaysia di sini, kelmarin.

Mustapa yang mengetuai delegasi pegawai kanan kementeriannya dan beberapa universiti awam mengadakan lawatan kerja seminggu ke Arab Saudi dan Mesir, termasuk memenuhi jemputan Menteri Pengajian Tinggi Arab Saudi, Dr Khaled Mohammed Al-Anqari.

Antara kerjasama lain dalam bi-



“Pemilihan Dr Mohd Adam sebagai pensyarah pelawat dibuat menerusi lawatan pengurusan Universiti Taibah ke Malaysia baru-baru ini membabitkan 10 universiti awam”

Mustapa Mohamed
Menteri Pengajian Tinggi

dang ICT antara universiti Malaysia dengan Arab Saudi ialah pembangunan e-Learning membabitkan peruntukan RM47 juta dengan kerjasama penuh Universiti Terbuka Malaysia (OUM), sejak dua bulan lalu.

Menerusi kerjasama itu, OUM melatih pensyarah dan tenaga pengajar Arab Saudi dalam bidang ICT bagi menjayakan projek yang disifatkan antara terbesar itu, selain menjadikan institusi pengajian tinggi negara itu yang terpilih sebagai pusat pembelajarannya.

Mustapa berkata, pembinaan Kota Ilmu Madinah di sini juga mampu meningkatkan hubungan antara institusi pengajian tinggi kedua-dua negara, terutama dalam bidang ICT.

Ketika membuat pertemuan dengan pelajar Malaysia di sini sebelumnya, beliau meminta pihak berkenaan memanfaatkan kehadiran Dr Mohd Adam dengan merancang mengadakan khusus bahasa Inggeris.

Dengan itu, katanya, pelajar yang mengikuti pelbagai bidang pengajian agama itu mempunyai kekuatan berbanding rakan mereka di tempat lain kerana bukan saja menguasai bahasa Arab, malah bahasa Inggeris.

Mengenai cadangan pelajar supaya jumlah penajaan penuntut Malaysia yang mengikuti pengajian agama ditingkatkan berikutan bilangannya semakin berkurangan, Mustapa berkata, pelajar tajaan kerajaan ada tetapi bilangannya kecil.

"Hampir keseluruhan daripada 88 pelajar Malaysia yang kini menuntut di Universiti Islam Madinah ditaja kerajaan Arab Saudi sendiri," katanya.